

21 Februari 2006 (Selasa)

Ambrin dilantik Ketua Audit Negara

PUTRAJAYA: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail berkenan melantik Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Tan Sri Ambrin Buang sebagai Ketua Audit Negara yang baru, berkuat kuasa Khamis ini.

Ambrin yang dilahirkan pada 24 Mac 1946 di Kuala Lumpur, dilantik sebagai Ketua Setiausaha kementerian itu pada 1 Oktober 2001 dan bersara wajib pada 23 Mac 2005 tetapi dilantik secara kontrak selama setahun.

Baginda juga berkenan melantik bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri, 56, sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk tempoh tiga tahun.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dalam satu kenyataan di sini semalam berkata, pelantikan Ambrin adalah untuk tempoh dua tahun bagi menggantikan Tan Sri Dr Hadenan Abdul Jalil yang tamat tempoh perkhidmatan Rabu ini.

Jamaluddin pula menggantikan Datuk Abdul Wahab Adam yang tamat tempoh perkhidmatan sebagai Pengerusi SPA pada 28 Februari ini.